

**PM Lancar 21 Projek Baharu Bernilai RM20.46 Bilion
Bernama
28 Mei, 2012**

PETALING JAYA, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan 21 projek baharu bernilai RM20.46 bilion di bawah tujuh Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Projek-projek itu dijangka meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM4.59 bilion dan mewujudkan 39,918 pekerjaan.

Beliau berkata, 21 projek terletak di bawah NKEA pertanian, perkhidmatan perniagaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, jualan borong dan runcit, elektrik dan elektronik, dan Greater KL/Lembah Klang.

Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar 4.7 peratus dalam suku pertama tahun ini, yang mengatasi konsensur umum, Najib mengingatkan rakyat Malaysia bahawa ETP "masih jauh daripada tercapai".

"Keadaan ekonomi dunia masih tidak menentu dan lebih-lebih lagi sekarang, kita mestilah terus berada pada landasan kita dan memberikan tumpuan kepada enjin pertumbuhan utama dalam ekonomi, dan terus berdaya saing di peringkat global," kata perdana menteri dalam taklimat kemas kini kemajuan ETP bagi tahun ini.

Sementara itu, satu kenyataan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU) yang dikeluarkan sebelum taklimat itu, menyebut bahawa pelaburan yang diperuntuk bagi NKEA Pertanian berjumlah RM456.69 juta dan akan menyumbang kira-kira RM367.58 juta kepada PNK dan mewujudkan 2,539 pekerjaan menjelang 2020.

Ia berkata NKEA Perkhidmatan Perniagaan mendapat peruntukan pelaburan sebanyak RM2.40 bilion dan akan menyumbang RM1.41 bilion kepada PNK dan mewujudkan pekerjaan bagi 10,909 orang menjelang 2020.

NKEA Jualan Borong dan Runcit mendapat peruntukan pelaburan berjumlah RM466.8 juta yang akan menyumbang sebanyak RM1.1 bilion kepada PNK dan mewujudkan 16,363 pekerjaan.

NKEA Penjagaan Kesihatan diperuntukkan pelaburan berjumlah RM107.14 juta dan akan menyumbang sejumlah RM238.06 juta kepada PNK dan menyediakan pekerjaan bagi 3,735 orang menjelang 2020.

PEMANDU juga berkata NKEA Pendidikan akan menyaksikan komitmen pelaburan sebanyak RM535.58 juta dan menyumbang sejumlah RM146.39 juta kepada PNK di samping mewujudkan 660 pekerjaan.

NKEA Elektrik dan Elektronik akan menerima pelaburan berjumlah RM4 bilion dan mewujudkan 1,000 pekerjaan menjelang 2020, dan daripada jumlah ini, 400 adalah pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi.

Menurut PEMANDU, NKEA Greater KL/Lembah Klang akan mendapat komitmen pelaburan sebanyak RM12.5 bilion dan menyumbang RM1.34 bilion kepada PNK selain mewujudkan peluang pekerjaan bagi 4,712 orang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669274>